

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Khamis, 1 Oktober 2020 8:54 pg
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Persatuan Kebajikan Graduan UUM 1999 Jadi Pertubuhan Sah



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

1 OKTOBER 2020 / 13 SAFAR 1442H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Samsudin Oli Mohamed

Gambar oleh: Ihsan Persatuan Kebajikan Graduan UUM 1999

PERSATUAN KEBAJIKAN GRADUAN UUM 1999 JADI PERTUBUHAN SAH



UUM ONLINE: Bangi – Persatuan Kebajikan Graduan UUM 1999 kini telah menjadi pertubuhan sah selepas mendapat kelulusan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS) Wilayah Persekutuan pada Jun lalu.

Berikutan pandemik Covid-19 yang melanda negara, Persatuan Kebajikan Graduan UUM 1999 telah mengadakan Mesyuarat Agung Pertama yang dirasmikan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Madya Dr. Hendrik Lamsali, baru-baru ini

Beliau yang juga alumni UUM 1999 berkata, kejayaan menjadi pertubuhan berdaftar itu diharapkan akan memberi lebih manfaat kepada ahli, tetapi turut memudahkan persatuan untuk menyalurkan dana serta bantuan kepada ahli yang memerlukan.

Menurutnya, beliau berbangga kerana bukan sahaja dapat merasmikan mesyuarat tersebut, malah gembira kerana beliau dan isteri juga adalah dari *batch* yang sama.

“Sesungguhnya pendaftaran persatuan ini dilihat dapat memberi semangat dan menggalakkan *batch-batch* lain juga untuk mendaftar dengan ROS, seterusnya menghimpunkan kembali alumni dari UUM.

“Di samping itu, persatuan ini juga dapat menjalankan aktiviti untuk ahli dan pada masa sama memainkan peranan aktif membantu pelajar UUM dalam pelbagai aspek,” katanya.

Sementara itu, alumni, Sazali Samjis yang bertugas di Koperasi Tentera telah dilantik sebagai Pengerusi pertama dalam Mesyuarat Agung yang dihadiri oleh 204 ahli.

Beliau yang sebelum ini dilantik sebagai Pengerusi Penaja bersama enam ahli jawatankuasa lain telah menyiapkan perlembagaan dan seterusnya menggerakkan usaha untuk mendaftar persatuan ini dengan ROS Wilayah Persekutuan.

“Alhamdulillah pendaftaran persatuan ini telah diluluskan pada 17 Jun 2020 dan Mesyuarat Agung Pertama pula telah diadakan pada 26 September lalu.

“Sebelum ini, kami banyak bergerak sendiri dengan mengumpul dana untuk membantu alumni yang menghadapi masalah kewangan ataupun yang memerlukan bantuan, di samping mengadakan perjumpaan semula antara *batch* mereka,” katanya.

Sazali berkata, dengan rasminya penubuhan Persatuan Kebajikan Graduan UUM 1999 itu diharapkan dapat bergerak lebih jauh terutama bagi mengumpul dana persatuan.

Menurutnya, antara perancangan persatuan ialah selain menjaga kebajikan ahli, mereka merancang untuk mengadakan perjumpaan tahunan, mengeratkan hubungan dengan PAUUM, pengurusan UUM dan membantu pelajar kampus ini sama ada untuk mendapatkan penajaan, menganjurkan program, tempat latihan industri, pekerjaan dan lain-lain.

Bagi alumni UUM 1999 yang ingin mendaftar sebagai ahli boleh hubungi talian 019-384 6600 untuk keterangan lanjut.





Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.